

**TARIKH** : 3 MAC 2016

**AKHBAR** : SINAR HARIAN

**M/S** : 43

**TAJUK** : [PORT DICKSON]  
URUT REFLEKSOLOGI DI PANTAI PD

# Urut refleksologi di pantai PD

Perkhidmatan dilakukan tukang urut berpengalaman dalam kalangan OKU penglihatan

**PORT DICKSON** - Sambil bersantai menikmati keindahan alam di tepi pantai, pengunjung kini boleh merasai sendiri pengalaman urutan kaki atau refleksologi yang dilakukan tukang urut berpengalaman dalam kalangan OKU penglihatan.

Perkhidmatan istimewa itu direalisasikan pertubuhan bukan kerajaan, Ummi Enterprise dengan kerjasama Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) yang beroperasi pada Sabtu minggu keempat setiap bulan di wakafutama Pantai Saujana, Batu 4, Port Dickson.

Selain daripada urutan kelas satu yang disediakan kepada pengunjung, harga yang ditawarkan juga istimewa kerana pengunjung hanya perlu membayar RM15 bagi setiap sesi iaitu selama 20 minit berbanding harga pasaran sebenar RM25 ke RM30.

Yang Dipertua MPPD, Datuk Ab Khalid Mat berkata, inisiatif itu antara usaha MPPD menyemarakkan Port Dickson yang telah diiktiraf sebagai Wellness Zone pada 2007.

Menurutnya, pada permulaan, pihaknya akan me-



**AB KHALID**



**CHAMPAKAWATI**

laksanakan perkhidmatan tersebut hanya pada hujung bulan, namun akan mengambil inisiatif menambah kekerapan operasi terutama pada musim cuti.

"Pada hari pertama kami beroperasi hujung bulan lalu, sambutan yang diperoleh sangat memberangsangkan dan mendapat maklum balas positif daripada orang ramai," katanya kepada Sinar Harian.

Jelasnya, inisiatif itu juga pendekatan MPPD untuk membantu golongan OKU menambah pendapatan dan mengembangkan bakat dalam bidang yang mereka mahir.

Beliau berkata, selain menyediakan tempat untuk projek urutan refleksologi, MPPD juga menyediakan perkhidmatan

mengambil dan menghantar pulang tukang urut OKU, pengecualian sewa tapak dan lesen serta penyediaan makanan kepada OKU.

"Ini juga salah satu khidmat komuniti korporat MPPD yang diberikan kepada golongan OKU," katanya.

Sementara itu, Pengurus Ummi Enterprise, Champakawati Salleh berkata, pihaknya sangat berbesar hati kerana sekali lagi diberi peluang oleh MPPD menyediakan perkhidmatan urutan refleksologi di Pantai Saujana.

Menurutnya, pihaknya pernah menyediakan perkhidmatan sama pada akhir 2008 sehingga 2009 dan ketika itu sambutan sangat menggalakkan.



Pengunjung pantai tidak melepaskan peluang mendapatkan perkhidmatan urutan refleksologi.

"Saya harap projek kali ini juga berjaya seperti sebelumnya," katanya.

Jelasnya, pihaknya menyediakan empat tukang urut termasuk seorang wanita yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang urutan sekurang-kurangnya lima tahun.

Champakawati berkata, urutan refleksologi mempunyai banyak kelebihan antaranya melancarkan perjalanan darah dalam tubuh, membuang toksin yang terkumpul, menghilangkan tekanan dan berupaya membantu mengesan penyakit kronik.

"Semua tukang urut adalah pakar dan urutan tersebut melibatkan teknik menekan titik-titik urat saraf yang bersambung dengan organ penting sama ada di bahagian luar atau dalaman. Apabila ditekan, ia mampu melancarkan perjalanan darah," katanya.